

Apung harga beras perlu penuhi ciri keadilan kepada pesawah

- Jika harga beras mahu diapungkan, penambahbaikan struktur adalah kemestian untuk mencapai impak bermakna bagi semua pihak terutama pesawah

- Strategi perlu difikirkan untuk memastikan pesawah menerima faedah daripada kenaikan harga dan dibantu apabila harga turun



Felo Perunding, Institut Perladangan Tropika dan Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia

Oleh Prof Datin Dr Fatimah Mohamed Arshad
bhrencana@bh.com.my

Krisis beras campur, ketiadaan beras tempatan, cadangan mewujudkan Beras MADANI dan terbaru cadangan untuk mengapungkan harga beras, menampilkan beberapa naratif antaranya apakah pertimbangankan dilihat kerajaan dalam melaksanakan dasar melindungi keterjaminan negara.

Naratif pengapungan harga beras misalnya dilihat sebagai langkah menangani 'simptom' saja, bukan 'penyakit sebenar'. Kerajaan dilihat menumpukan perhatian kepada menangani simtom

penyakit iaitu beras campur, beras tiada dalam pasaran dan harga tinggi tetapi tidak 'merawat' penyakit paling besar dalam industri padi dan beras negara, iaitu masalah struktur.

Dasar satu harga untuk beras dicampur-campur bertentangan dengan dinamik kepelbagaian pasaran dalam pengeluaran dan penggunaan. Dasar satu harga runcit untuk semua beras akan melengkapkan campur tangan kerajaan ke dalam industri ini ke tahap 100 peratus.

Ia mirip pasaran terkawal sepenuhnya dalam ekonomi berpusat seperti diamalkan China dan Vietnam pada 1960-an yang akhirnya menyebabkan kelembapan kerana menangani isu harga tanpa mengambil kira perkiraan holistik semua elemen dan peserta dalam ekosistem sektor terutama pesawah.

Penetapan harga tidak berlandaskan kepada hujah keperluan harga berpatutan dan adil, sebaliknya mengambil kira kepentingan peserta utama industri. Sebaliknya, ia tidak memberi keutamaan pertama kepada pesawah, tunggak sektor beras negara. Hakikat perlu diakui adalah selagi petani tidak mencapai sara diri, selagi itu negara tidak akan capai sara diri.

Beras hanya komponen kecil perbelanjaan isi rumah iaitu 0.8 peratus pada 2022 walhal kepentingan perbelanjaan ke atas makanan sihat lain seperti ikan, daging sayur dan buah adalah lebih tinggi serta turut mengalami kenaikan harga tinggi.

Dalam hal ini, masalah beras campur boleh diselesaikan dengan langkah berikut:

- Menggunakan data raya untuk memantau agihan beras peniaga dari semasa ke semasa.
- Aplikasi pengesanan (*traceability*) untuk memantau gred dan kualiti beras supaya gred dipertahankan, manakala pengguna membayar harga beras adil ikut gred serta kualiti.
- Penguatkuasaan ketat ke atas peniaga.

Berdasarkan kepada naratif di atas, dasar satu harga untuk beras campur boleh disifatkan sebagai berisiko kerana masalah sistematik sektor ini tidak diambil kira, lantas cadangan pengapungan harga tanpa mengambil kira masalah struktur tidak akan memberi impak disasarkan.

Dari segi konsep, pengapungan harga mempunyai kelebihan kerana mencerminkan persetujuan antara pembeli dan penjual berlandaskan penawaran-permintaan. Bermakna, dalam situasi kurang bekalan, harga akan meningkat, mendo-

rong peningkatan pengeluaran dan lama-kelamaan kuantiti jualan akan bertambah dan harga akan kembali normal.

Perkara sebaliknya berlaku apabila lebih berlaku iaitu harga terbentuk daripada dinamik penawaran dan permintaan serta harga dicapai adalah wajar mengikut pertimbangan kedua pihak - pengguna dan penjual. Namun, logik ini akan berkesan jika pasaran beras bebas daripada ketidakcekapan terutama ciri monopoli dan oligoplistik seperti sekarang.

Namun, pengapungan harga dalam struktur pasaran yang mana Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) memonopoli import dan kerjasama BERNAS serta pengilang menguasai hampir 70 peratus pasaran beras tempatan, tidak akan mewujudkan harga boleh dianggap adil.

Ini kerana melalui pakatan, mereka boleh mengherotkan atau manipulasi harga runcit untuk memaksimumkan keuntungan tanpa tentangan daripada pengguna dan pesawah. Mereka miliki kuasa untuk terus memperkudakan pesawah dengan membeli harga padi rendah atau mengenakan potongan padi tinggi. Masalah asimetri atau tidak padan kuasa ini perlu ditangani.

Penambahbaikan struktur

Bererti jika harga beras mahu diapungkan, penambahbaikan struktur adalah kemestian untuk mencapai impak bermakna bagi semua pihak. Ini memerlukan perubahan berikut:

- Import dibuka kepada ramai peserta supaya mewujudkan persaingan dan harga import lebih murah daripada pelbagai sumber.
- Kilang kecil dibenarkan beroperasi supaya persaingan wujud dan mobiliti pesawah terbuka untuk peningkatan pendapatan mereka.
- Pelesenan dihapuskan dan digantikan dengan pemantauan ketat ke atas kuantiti dan kualiti melalui pangkalan data raya serta aplikasi digital pengesanan beras dan padi.

Selain itu, jika harga beras diapungkan, kerajaan perlu mengambil kira sektor padi dan beras secara holistik iaitu sebagai satu sistem. Dalam satu sistem terdapat elemen saling berkaitan dan bergantung.

Jika harga runcit diubah, impaknya akan

terkesan kepada subsektor lain seperti harga kepada pengguna, untung pengilang dan pendapatan pesawah.

Apabila harga runcit beras diapungkan, ia bererti harga akan mengikut rentak pasaran dunia. Maka strategi perlu difikirkan untuk memastikan pesawah menerima faedah daripada kenaikan harga dan dibantu apabila harga turun.

Apabila harga menjunam, langkah penstabilan pendapatan pesawah perlu dilaksanakan termasuk, meningkatkan subsidi harga padi, menetapkan mekanisme bukan harga, meningkatkan dan menstabilkan pengeluaran, mengawal import dan eksport, menggalakkan industri berasaskan padi dan beras, stok penimbun dan bayaran defisit kepada pesawah.

Pengapungan harga beras adalah strategi yang baik tetapi ia perlu dilaksanakan dengan memberikan sokongan kepada pesawah seperti membantu mereka meningkatkan hasil padi, mengurangkan kos pengeluaran, mengenal pasti mekanisme melindungi pesawah apabila terjejas pada paras harga beras rendah, penggunaan aplikasi digital meluas untuk aktiviti sawah, pemasaran dan perniagaan, mewujudkan kilang berkapasiti sederhana dan kecil tetapi pintar.

Reformasi pasaran di tahap sawah perlu dilaksanakan seperti meningkat persaingan dalam beberapa sektor termasuk agihan baja dibuka kepada koperasi, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan usahawan, pesawah berpengalaman dibenarkan menjadi pembekal benih, menubuhkan skim satu kampung/koperasi satu bank benih.

Kategori beras perlu dipastikan dilakukan mengikut pelbagai gred kerana terdapat pengguna miskin dan kaya, muda dan tua dan pelbagai bangsa. Masing-masing memiliki cita rasa berbeza.

Kesimpulannya, masalah padi dan beras adalah masalah sistemik yang sudah lama bertapak selama 50 tahun. Dasar yang hanya merubah satu aspek sahaja seperti harga, tidak akan membawa impak luar jangka selagi masalah struktur tidak dileraikan terutama struktur yang menjadikan pesawah sebagai mangsa.

